

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVIII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

11. Perubahan iklim.

- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menangani perubahan iklim dan kesannya terhadap kehidupan manusia?
- (b) Adakah masyarakat diberi pendedahan mengenai situasi ini dan program-program yang dijalankan?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri sememangnya sedar mengenai isu perubahan iklim (*climate change*) yang pada masa ini juga merupakan isu yang kerap kali dibahaskan di platform antarabangsa. Isu perubahan iklim secara langsung bukan sahaja memberikan impak signifikan kepada ekonomi, malah turut memberi kesan sosial dalam kelangsungan kehidupan manusia.

- (a) Usaha Kerajaan Negeri dalam menangani perubahan iklim dan kesannya terhadap kehidupan manusia adalah melalui pelaksanaan dua (2) perkara dasar seperti berikut:-
 - (i) Visi Penang2030 yang mengetengahkan pendekatan *Invest In The Built Environment To Improve Resilience* melalui pelaksanaan Pelan Adaptasi Perubahan Iklim (*Implement Climate Change Adaptation Plans*); dan

- (ii) Agenda Hijau Pulau Pinang (*Penang Green Agenda*) yang akan berperanan sebagai *roadmap* untuk tempoh 10 tahun bagi memacu Negeri Pulau Pinang ke arah negeri hijau dan lestari (*green and sustainable state*) dari 2020 hingga 2030.
- (b) Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memberikan pendedahan mengenai isu perubahan iklim kepada masyarakat melalui pendekatan program-program seperti berikut:-
 - (i) Dasar Pengasingan Sisa di Punca pada 1 Jun 2016 bagi mengurangkan pencemaran alam sekitar serta menjaga keseimbangan ekosistem dan pada masa yang sama meningkatkan kadar kitar semula sisa pepejal di negeri Pulau Pinang kepada 44% pada tahun 2019 berbanding 18% pada tahun 2008;
 - (ii) Program Pengurusan Hutan Secara Lestari dengan mengekalkan kawasan hutan sedia ada di Negeri Pulau Pinang sebagai penyerap karbon termasuk hutan darat dan hutan paya laut seluas 5,100.93 hektar sebagai hutan simpanan kekal;
 - (iii) Melaksanakan program penanaman pokok sebanyak 285,000 di seluruh Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 hingga Disember 2019 sebagai Langkah pengurangan karbon. Jumlah ini termasuk 137,193 pokok bakau yang telah ditanam sejak tahun 2008 bagi menjaga kestabilan ekosistem kawasan persisiran pantai serta memastikan hutan paya laut terus terpelihara;
 - (iv) Memperkenalkan Pensijilan Pejabat Hijau Pulau Pinang (*Penang Green Office Certification*) sebagai inisiatif pengurangan pelepasan karbon dan penjimatan tenaga;

- (v) Melaksanakan *Car-Free Day* dan menyediakan laluan trek berbasikal bertujuan untuk mengurangkan pelepasan karbon dari kenderaan melalui aktiviti rekreasi dan riadah;
- (vi) Menjalinkan kerjasama dengan organisasi antarabangsa seperti Global Environment Centre (*GEC*), United Nation Environment Programme (*UNEP*) dan Climate and Clean Air Coalition bagi melaksanakan projek perintis melibatkan Short Lived Climate Pollutant (*SLCP*) yang merupakan penyumbang pelepasan karbon;
- (vii) Memperkenalkan perkhidmatan bas percuma *Congestion Alleviation Transport (CAT)* dan *Bridge Express Shuttle Transit (BEST)* bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas di samping menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam dan sekali gus mengurangkan pelepasan karbon kenderaan persendirian di jalan raya;
- (viii) Memulakan inisiatif *Low Carbon City Framework (LCCF)* oleh Pihak Berkuasa Tempatan ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar rendah karbon;
- (ix) Program ceramah dan pameran mengenai kesedaran alam sekitar di sekolah, institut pengajian tinggi awam dan swasta, pekerja industri, jabatan kerajaan dan swasta serta komuniti setempat di samping hebahan melalui media masa, media cetak dan media sosial;
- (x) Program Sekolah dan Tadika Hijau Negeri Pulau Pinang bagi memupuk semangat dan kesedaran untuk melindungi alam sekitar di kalangan generasi muda; dan
- (xi) Sambutan Hari Bumi, Hari Alam Sekitar Sedunia, Hari Ozon dan Hari Alam Sekitar Negara setiap tahun bagi

memperingati dan memberi penghayatan kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga alam sekitar.